



## **MOHD SAFWAN AHMAD**

### **LATAR BELAKANG**

Beliau adalah Pensyarah di Fakulti Rekaan Komunikasi Visual di ASWARA. Beliau merupakan lulusan Diploma Seni Halus pada tahun 2001, Ijazah Sarjana Muda Seni Halus, dan Ijazah Sarjana Seni Halus dan Teknologi pada tahun 2012 di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Kini beliau sedang menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) dalam bidang Seni Kreatif di ASWARA.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai anak seni apabila beliau menjadi pelukis bebas pada tahun 2003 setelah tamat pengajian dan bekerja dalam pelbagai bidang yang berkaitan termasuk menjadi Pensyarah Sambilan dan Tutor di ASWARA sejak tahun 2009 hingga tahun 2011. Beliau turut menjadi pembantu galeri, pertukangan besi persenjataan Melayu dan pertukangan perabot.

Sejak tahun 2007, beliau lebih menjurus ke bidang Seni Arca dan banyak melibatkan diri dengan pameran Seni Visual di dalam dan luar negara seperti Bangladesh, Italy, Greece, Amerika, Canada dan Denmark.

### **PENCAPAIAN**

Beliau telah menerima beberapa anugerah antaranya Consolation Award of Sculpture Competition 2007 oleh Kraftangan Malaysia selain terlibat dengan Nokia Art Award 2005 Breaking Barriers, Mekar Citra Art Award di Galeri Shah Alam,

MEA Award 2010 di Sokka Gakkai Gallery, VAA Award 2010 di Bukit Bintang sebagai Finalis.

Pada tahun 2007 hingga tahun 2012, beliau pernah terlibat dengan pembikinan klip video dan filem sebagai ahli prop dan set seperti klip video untuk Pete Teo bertajuk Carnival Hall, Nokia Make It Real Video Contest 2007 (Grand Prize Winner for the Best Director), dan I Go iaitu sebuah klip video tribute untuk Korea bersama Kamal Sabran, Yasmin Ahmad, dan Ho Yuhan, Here In My Home dengan menyediakan latar pameran Iron Dragons Of Malaya, Photo Exhibitions oleh K Azril Ismail, menjadi propman bagi filem Vikingdom terbitan produksi KRU Production melalui Ground Zero Production House selain menjadi propman latar bagi acara Anugerah SKRIN 2012 di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC).

Di antara filem yang pernah beliau terlibat secara langsung dan tidak langsung sebagai Ahli Penata Seni Latar adalah Zombi Kilang Biskut, Usop Wilcha Melawan Werewolf Dari Bangladesh oleh Mamat Khalid, dan Vikingdom oleh KRU Production sebelum mendapat tawaran bekerja sebagai Pensyarah Sepenuh Masa di Kolej Universiti Linton pada tahun 2012 hingga tahun 2015.

Beliau mendapat tawaran semual bekerja di ASWARA pada tahun 2015 hingga kini dan mula melibatkan diri dalam bidang Sinografi Teater dan Tari dalam dan luar ASWARA selain masih aktif sebagai seorang artis dalam bidang Seni Halus terutamanya dalam bidang gabungan arca dan lukisan.

Beliau mempunyai pengalaman yang meluas dalam pelbagai bidang berkaitan dengan seni visual seperti Bidang Seni Arca, Lukisan, Rekaan Grafik, Penghasilan Penataan Seni Latar Video Muzik, Seni Latar Filem dan Seni Latar Teater – Sinografi.